

Prestasi ekonomi semasa, pengenalan model baharu pacu minat belian masyarakat

Jualan kenderaan cecah 630,000 unit

PETALING JAYA - Persatuan Automotif Malaysia (MAA) menyemak naik unjuran jumlah keseluruhan industri (TIV) kenderaan bagi tahun ini kepada 630,000 unit berbanding unjuran awal sebanyak 600,000 unit yang ditetapkan awal tahun ini.

Presidennya, Datuk Aishah Ahmad berkata, pertambahan sebanyak 30,000 unit daripada jangkaan asal itu dibuat berdasarkan prestasi ekonomi Malaysia yang dijangka meneruskan momentum pemulihan ekonomi pada suku pertama

Menurut beliau, melalui sokongan dasar kerajaan yang konsisten, terutama inisiatif di bawah Bajet 2022, kesan limpahan daripada Bajet 2021 dan pakej rangsangan serta bantuan sebelum ini, ekonomi negara akan terus bertambah baik pada separuh kedua tahun ini.

Turut menyokong peningkatan unjuran TIV dipacu oleh pengenalan model baharu dan kenderaan elektrik penuh yang ditawarkan pada harga berpatutan serta kompetitif, sekali gus menggalakkan pembelian oleh masyarakat

"Untuk industri automotif, walaupun tempoh cuti cukai jualan dan perkhidmatan (SST)



AISHAH AHMAD

INDUSTRI automotif tahun ini kembali aktif melalui pengenalan beberapa model kenderaan baharu di pasaran. - GAMBAR HIASAN

untuk pembeli kereta menikmati pengecualian sudah berakhir, ahli MAA berbesar hati kerana kerajaan telah melanjutkan tempoh manfaat pengecualian dengan pendaftaran kenderaan sebelum 31 Mac 2023 apabila pelanggan menempah kenderaan sehingga 30 Jun lalu.

"Langkah ini sememangnya positif kerana ia akan membantu industri automotif memenuhi tempahan yang tertunggak dan pada masa sama membenarkan rakyat menikmati harga kereta yang lebih rendah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar secara maya men-

gumumkan prestasi pasaran automotif separuh pertama 2022 semalam.

Aishah menjelaskan, berdasarkan unjuran baharu, kenderaan penumpang dijangka naik kepada 567,000 unit daripada 540,000 unit, manakala kenderaan komersial sebanyak 63,000 unit berbanding unjuran awal 60,000 unit.

Mengulas prestasi TIV separuh pertama 2022, beliau menerangkan, sebanyak 331,386 unit kenderaan terjual, melonjak 33 peratus berbanding 249,178 unit yang dicatatkan dalam tempoh sama tahun lalu.

"Kenderaan penumpang menyumbang 293,540 unit, manakala baki 37,846 unit lagi disumbangkan oleh kenderaan komersial.

"TIV pada Mac adalah tertinggi dalam sejarah automotif tempatan iaitu 73,244 unit, disokong langkah ahli MAA untuk menyempurnakan penghantaran bagi syarikat dengan tahanan kewangan berakhir 31 Mac 2022," ujarnya.

Menurut beliau, bagi jualan Jun pula, susulan langkah kerajaan tidak melanjutkan insentif pengecualian cukai turut melonjakkan jualan melepasi 60,000 unit.